

UCAPAN PERDANA MENTERI, SELAKU
PENGERUSI MAJLIS KEBANGSAAN HAL
EHWAL ISLAM MALAYSIA DI PEMBUKAAN
RASMI KURSUS LATIHAN PEGAWAI-PEGAWAI
PENERANGAN UGAMA DAN MUBALLIGH
DI DEWAN LATIHAN PEGAWAI-PEGAWAI
KERAJAAN, PETALING JAYA, PADA 6HB
SEPTEMBER, 1971

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh:

Saudara-saudara Muslimin,

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wataala kerana dapat sendiri merasmikan pembukaan Kursus Latihan bagi Muballigh-muballigh dan Pegawai-pegawai Penerangan Ugama yang bertugas dengan Majlis-majlis Ugama Islam Negeri-negeri dan dari badan-badan yang lain di negara kita ini.

Kursus ini bertujuan untuk memperkemas dan memperkuatkan lagi dakwah Islam yang sekarang sedang dijalankan oleh Jabatan-jabatan Ugama tiap-tiap Negeri dan bagi menambahkan lagi kemahiran atau professional touch mereka yang berkenaan.

Saya suka mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan pihak-pihak yang lain atas kerjasama mereka dengan Majlis Kebangsaan berkenaan dengan kegiatan-kegiatan dakwah Islam yang telah berjalan selama ini. Bagaimanapun, usaha-usaha pembaikan patutlah dibuat dari satu masa ke satu masa supaya kerja-kerja dakwah itu berjalan dengan lebih teratur dan mengikut rancangan-rancangan yang disusun dengan rapi jika kita ingin mendapat hasil-hasil dari usaha kita yang baik ini.

Tidak syak lagi kursus ini dapat memberi bimbingan, semangat serta tekad baru kepada Pegawai-pegawai Penerangan Ugama dan Muballigh-muballigh tentang cara menyampaikan dakwah dengan lebih menarik dan berkesan lagi kepada orang ramai supaya mendapat sumbangan yang lebih luas dari rakyat terutama mereka yang bukan Islam. Hanya dengan adanya approach baru dan dengan cara penyampaian yang logik dan ilmiah, barulah

kegiatan-kegiatan dakwah akan mendapat kejayaan yang kita kehendaki. Sebaliknya, kita akan kecewa menarik perhatian dan keyakinan orang ramai, khasnya belia-belia, kalau muballigh atau Pegawai-pegawai Penerangan mempunyai kekurangan diri mereka sendiri. Inilah yang mustahak kita atasi sekarang ini dengan mengkaji, bertukar-tukar fikiran dan menganalisa kelemahan-kelemahan sendiri sambil berikhtiar membaikinya.

Pada pandangan saya, usaha-usaha dakwah yang dijalankan pada masa ini oleh Jabatan-jabatan Ugama Negeri serta badan-badan sukarela seperti PERKIM dan Jamiah Dakwatul Islamiyah hendaklah diselaraskan sesuai dengan keadaan masyarakat hari ini. Jika perlu, seluruh tenaga yang ada pada kita masa ini hendaklah digembelangkan untuk mencapai matlamat yang dikehendaki itu.

Saudara-saudara,

Masa dan keadaan sentiasa berubah dan akan terus bertukar corak. Begitu pula manusia atau sesuatu bangsa yang ingin maju dan bertamaddun mestilah juga berubah mengikut aliran dan tuntutan zaman. Mereka yang lalai atau tidak menyedari peredaran masa akan ditinggalkan zaman dan tamaddun. Jika hakikat ini difahami dengan serious oleh orang-orang Islam khasnya orang-orang Melayu, mereka haruslah mengubah sikap dan pemikiran dengan cara berkesan dan bermenafaat bagi mereka. Kita khasnya orang-orang Melayu, menghendaki perubahan yang besar dan saya berdoa kepada Allah mudah-mudahan kita akan mencapai satu kemajuan yang akan membanggakan kita semua.

Sesungguhnya, kemajuan Negara kita adalah lebih laju daripada kemajuan orang-orang kita sendiri. Keadaan ini mesti dibetulkan. Imbangan laju kedua-duanya itu mestilah sama; kalau tidak, Negara akan terus maju dan makmur tetapi orang-orang kita sendiri akan terus tertinggal dalam keadaan yang tidak sempurna. Inilah tugas utama Kerajaan hari ini yang semestinya juga menjadi kewajipan kita semua.

Saudara-saudara,

Untuk mencapai kemajuan-kemajuan yang lebih besar lagi, penerangan-penerangan berkenaan ugama kita hendaklah disebar kepada seluruh rakyat. Bukan sahaja setakat menyebarkannya tetapi hendaklah apa yang diajar kepada mereka itu tersemat di

hati masing-masing dan setelah pengetahuan itu sehati, mereka dapat melaksanakannya untuk kebaikan diri mereka sendiri untuk bangsa, agama dan tanah air.

Oleh itu, perubahan sikap dan pemikiran orang-orang Melayu sangatlah mustahak dan usaha untuk mengubah sikap dan cara berfikir orang-orang Melayu ini adalah satu usaha besar yang memerlukan kerjasama dari semua golongan dan lebih penting dari bijak pandai Melayu sendiri.

Saudara-saudara sekalian merupakan satu golongan pemimpin-pemimpin agama yang berpengaruh yang boleh menolong mengubah sikap orang-orang Melayu terutama sekali dalam tugas saudara-saudara yang sentiasa berdamping rapat dengan masyarakat. Kerana itulah kita mengadakan latihan-latihan kemahiran kepada Muballigh-muballigh dan Pegawai-pegawai Penerangan Agama yang terlatih dalam cara-cara dakwah Islam. Saya berharap pada masa akan datang kita akan dapat memberi penerangan di atas ajaran yang sebenar dan hikmat-hikmat di sebalik ajaran itu dan perkara-perkara yang ranting dan negatif dan segala pantang larang serta tegahan-tegahan yang remeh-remeh yang bukan berdasarkan Quran dan ajaran-ajaran Islam yang sebenar hendaklah diketepikan. Sebaliknya, saudara-saudara boleh memberi fahaman yang mendalam kepada orang-orang kita bahawa adalah menjadi kewajipan kita menunaikan suruhan Allah bagi orang-orang Islam supaya hidup maju, moden dan bahagia dalam dunia sambil berbuat ibadat kepada Tuhan.

Saudara-saudara hendaklah mengajar dan menanamkan ajaran-ajaran yang membina dan fikiran-fikiran yang progresif, sikap yang positif dan sesuai dengan kehendak-kehendak zaman serta menggalakkan mereka mencapai kemajuan, tamaddun yang tinggi dan kebahagiaan hidup semasa mereka hidup di dunia ini. Seperti kita semua maklum Allah dan Rasulnya, Muhammad s.a.w. menyeru supaya umat Islam semua hidup menjadi manusia yang sempurna dan bahagia dunia dan akhirat.

Saudara-saudara,

Pada fikiran saya, adalah mustahak dalam kehidupan kita di zaman pembangunan dan tamaddun teknologi, perkara-perkara yang bersangkutan-paut dengan adat dan berasaskan kepada cerita-cerita dongeng hendaklah dipisahkan daripada suruhan Allah yang

sebenarnya. Janganlah kita campur-adukkan kepercayaan-kepercayaan dan tradisi yang terbit dari adat kepercayaan itu dengan ajaran-ajaran Islam yang sebenar.

Kita hendaklah bertindak dan mengikut cara hidup berpandu kepada ajaran-ajaran ugama yang tulin dan menegakkan tradisi-tradisi yang membina dan membawa kita kepada kemajuan. Masih ada lagi orang kita yang terpedaya dengan ilmu karut dan kepercayaan yang bukan-bukan yang berlawanan dengan apa yang sebenarnya patut berlaku, umpama mendapatkan wang dengan bacaan-bacaan sahaja. Kepada orang-orang seperti itu, saya nasihatkan ada satu cara sahaja kalau kita hendak jadi kaya di dunia ini iaitu bekerja kuat, rajin, amanah dan cermat. Inilah cara yang direzai Allah dan mendapat sunat RasulNya kerana seperti kita semua maklum, Nabi Muhammad junjungan kita sendiri terkenal sebagai seorang yang berusaha.

Saudara-saudara,

Pada hari ini Majlis Kebangsaan Ugama Islam sedang merancang hendak menubuhkan satu Instituit Dakwah yang lengkap serta teratur perjalanannya supaya memenuhi tujuan-tujuan antara lain:

1. Melatih bakal-bakal Muballigh, Pegawai-pegawai Penerangan Ugama, Imam-imam, Bilal-bilal dan lain-lain Pegawai Ugama dari negeri-negeri di Malaysia.
2. Melatih orang-orang professional Islam dalam segala kegiatan hidup untuk menjadi ahli-ahli tabligh dan dakwah Islam yang terlatih untuk bergerak secara sukarela ataupun penuh masa di dalam kehidupan mereka.

Adalah diharapkan dengan tertubuhnya Institut Dakwah ini, ia akan dapat mengeluarkan Muballigh dan Pegawai-pegawai Ugama bagi mengisikan keperluan Negara kita ini.

Saya harap kita dapat menumpukan kerja-kerja dakwah dalam negeri sahaja terlebih dahulu dan Institut Dakwah ini akan diarahkan khusus bagi mengadakan dan melatih bilangan Muballigh dan Pegawai-pegawai Penerangan yang cukup untuk keperluan Negara. Bilangan atau ramainya mereka ini tentulah mustahak, tetapi yang lebih penting ialah quality atau mutu Muballigh dan Pegawai-pegawai Ugama yang lulus dari Institut ini.

Saya ingin melihat mereka terdiri dari orang-orang yang cekap dan mempunyai sikap serta pemikiran baru selaras dengan perubahan-perubahan yang berlaku di sekeliling kita pada hari ini. Tidaklah memada setakat petah dan pandai bercakap sahaja tetapi mereka mestilah juga tahu menggunakan ilmu pengetahuan yang ada pada mereka itu untuk mempengaruhi rakyat, dan mengubah sikap hidup mereka supaya bersama-sama bergerak ke arah cita-cita kita yang murni itu.

Saya diberitahu bahawa Majlis Kebangsaan Ugama Islam Malaysia sudah pun menerima beberapa permintaan dari luar negeri, khasnya dari masyarakat Islam di Hongkong yang berkehendak kita melatih Muballigh-muballighnya untuk bergerak menyebarkan Islam di tanah jajahan itu. Insyallah, dengan tertubuhnya Instituit ini nanti, kita akan dapat menolong mereka, tetapi setakat ini biarlah kita memenuhi keperluan-keperluan kita sendiri dahulu.

Sungguhpun begitu, kita sebagai sebuah negara Islam yang aktif memajukan ugama Islam, bersedia bekerjasama dengan sesiapa pun atau dengan mana-mana pihak pun untuk menyebarkan syiar Islam di rantau ini. Untuk sementara ini, saya fikir baiklah Instituit Dakwah ini menumpukan segala masa dan tenaganya untuk mengadakan bilangan Muballigh-muballigh dan Pegawai-pegawai Ugama yang cukup untuk keperluan Malaysia khasnya dalam masa pembangunan Rancangan Malaysia Kedua ini sedang dijalankan.

Saudara-saudara,

Menurut sejarah Islam, pada masa dahulu Ugama Islam tersebar luas dengan usaha dakwah yang amat sedikit sekali. Kemajuan Islam di negara kita boleh dikata memuaskan tetapi masih dapat diperluaskan dengan mengaturkan langkah-langkah yang tegas dan lebih berkesan.

Saya harap dengan adanya usaha Majlis Kebangsaan Ugama Islam dan Jabatan-jabatan Ugama Islam hari ini, Ugama Allah ini akan berkembang dengan lebih pesat lagi dan makin banyaklah lagi orang-orang akan sedar bahawa Islam adalah ugama yang progresif serta membawa kemajuan.

Dengan adanya Muballigh-muballigh yang cekap dan berdisiplin serta dedicated bekerja tanpa balasan apa-apa, saya melihat masa hadapan Dakwah Islam sangat cerah dan membawa kejayaan yang mengagumkan. Dengan dakwah yang tersusun baik ini, bukan sahaja orang-orang bukan Islam akan tertarik memeluk agama kita bahkan orang-orang Islam kita sendiri yang tidak memahami ajaran-ajaran Islam secara mendalam, akan dapat pengertian Islam yang sebenarnya, dan mengamalkan suruhan-suruhan Allah dan Rasulnya Muhammad s.a.w. dengan sungguh-sungguh lagi. Dengan usaha-usaha saudara, saya harap mereka yang tidak mengenal agama Allah dengan cara mendalam akan lebih cinta kepada agama kita yang maha suci ini.

Dalam kursus yang selama dua minggu ini, saudara-saudara akan diberi latihan-latihan tentang teori-teori menyampaikan dakwah, mengikut sebagaimana yang dijalankan oleh Rasullullah s.a.w., cara-cara baru mengenai perhubungan antara manusia dan cara-cara menggunakan alat-alat moden untuk perhubungan antara manusia. Saya harap pengetahuan dasar seperti ilmu mantik atau logik, ekonomi, sociology dan psychology dimasukkan dalam syllabus kursus ini kerana ilmu-ilmu ini sangat penting dalam kerja-kerja dakwah, terutama terhadap belia-belia yang berpelajaran.

Saya berseru kepada saudara-saudara, apabila balik ke tempat masing-masing kelak, supaya menyebarkan pengetahuan-pengetahuan yang saudara-saudara dapati di Pusat ini dengan sebaik-baiknya. Moga-moga usaha saudara-saudara itu akan menolong mengubah sikap orang Melayu khasnya dan bersama-sama membawa cara hidup yang baru bagi orang Islam yang sesuai dengan zaman baru dan social order baru yang kita hendak tegakkan itu.

Saudara-saudara,

Saya rasa kena pada tempatnya saya berucap sedikit mengenai Dasar Ekonomi Baru Kerajaan seperti yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Kedua. Rancangan ini bertujuan semata-mata untuk memenuhi keinginan orang-orang yang tidak berada khasnya dan rakyat lain amnya untuk mencapai matlamat-matlamat ekonomi dan sosial masing-masing.

Di bawah Rancangan ini dan rancangan-rancangan yang akan berik特 nanti, antara lain yang saya fikir perlu ditegaskan berkali-kali, ialah harapan dan tujuan saya bahawa dalam satu keturunan

sahaja kita akan dapat mewujudkan satu golongan Melayu dan Bumiputra yang dinamik dalam perusahaan, perdagangan, perniagaan dan profession. Mereka adalah dikehendaki menguasai sejumlah kegiatan-kegiatan dalam dunia swasta yang ada dalam Malaysia ini dan mereka sebenar-benarnya mempunyai hakmilik, pengurusan dan pekerjaan. Dengan terlaksananya Rancangan ini, maka keadaan yang ada sekarang iaitu fungsi-fungsi di Negara dibagi menurut kaum-kaum dapat dihapuskan.

Kejayaan Dasar Kerajaan yang penting ini terletak pada besarnya kepada perubahan sikap dan nilai orang-orang Melayu, dan kesanggupan mereka untuk berkorban bagi mencapai kebahagiaan hidup. Pihak Kerajaan sedia memimpin mereka tetapi mereka mestilah menyahut seruan-seruan Kerajaan. Mengubah sikap orang-orang Melayu adalah satu tugas yang besar yang berkehendakkan kerjasama mereka sepenuhnya. Di sinilah peranan penting saudara-saudara mesti mainkan. Saya minta kerjasama saudara-saudara dalam hal ini.

Saya berdoa kepada Allah Subhanahu wataala supaya dibuka pintu hati orang-orang Melayu supaya mereka dapat melihat jauh ke hadapan kepada masa yang cemerlang menanti mereka jika mereka sedar dan setelah ada kesedaran berlumba-lumba merebut peluang sekarang dan menjayakannya dengan bekerja kuat dan amanah.

Saya suka mengingatkan orang-orang Melayu bahawa Tuhan menjadikan alam ini untuk kepentingan manusia dan kerana itu manusia khasnya orang-orang Islam hendaklah merebutkan rezki Allah, hidup penuh makmur dan bahagia sambil membuat ibadat kepadanya untuk bekalan di akhirat.

Biarlah saya berterus terang bagi mencapai kesejahteraan hidup, mustahaklah kita berusaha dengan tekun dan rajin. Mencari kemakmuran dan kesenangan adalah satu perkara yang benar-benar dikehendaki oleh ugama kita. Malah Nabi Muhammad s.a.w. adalah memberi contoh kepada umatnya dengan berkecimpung dalam ekonomi, perniagaan dan perusahaan semasa Rasullullah hidup.

Saya yakin Rasullullah berkehendakkan kita orang-orang Islam berbuat demikian juga di zaman kita ini dan di zaman-zaman akan datang oleh keturunan-keturunan kita. Sambil kita berusaha

mencapai kebahagiaan hidup di dunia, mustahaklah kita berbuat ibadat dengan menjalankan suruhan-suruhan Allah untuk akhirat kelak.

Rancangan Malaysia Kedua ialah satu Rancangan yang berani, satu rancangan yang mempunyai objektif yang luas dan realistik untuk pembangunan negara sekarang dan jenerasi akan datang. Dari pembangunan ekonomi negara ini, orang-orang Melayu dan ahli-ahli Bumiputra khususnya mempunyai bahagian yang besar yang akan menukarkan nasib mereka, jika bekerja kuat, dari satu golongan yang hidup kais pagi makan pagi, kais petang makan petang, kepada golongan manusia yang sempurna hidupnya.

Saya tidaklah mahu lagi orang-orang Melayu di Malaysia terus tertinggal di belakang di dalam serba lapangan hidup. Saya bimbang jika keadaan ini terus berlaku, maka orang-orang Melayu akan terus hidup daif dalam zaman pembangunan dan serba kemajuan. Oleh itu, saya berkehendakkan orang-orang Melayu maju, progresif, makmur dan bahagia. Hanya orang-orang Melayu sendiri yang boleh mengubati penyakit-penyakit yang ada pada diri mereka hari ini dan mengubah nasib mereka. Kerajaan telah banyak menolong dan akan terus menolong mereka, tetapi ini hanya akan berhasil jika orang-orang Melayu sendiri bergerak dan mara ke hadapan.

Saudara-saudara,

Dengan harapan dan semangat ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Kursus Latihan Muballigh ini. Muga-muga usaha kita yang murni ini diredai Allah dan mendapat sepenuh kejayaan.